



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KONSEP PENCAHAYAAN DALAM A THEATRICAL AUDIOVISUAL EARTHSHINE

NAZLIEYA BINTI TOHIMAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KONSEP PENCAHAYAAN DALAM A THEATRICAL AUDIOVISUAL EARTHSHINE

NAZLIEYA BINTI TOHIMAN

PENULISAN ILMIAH YANG DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN KURSUS KAJIAN ILMIAH APC3053

JABATAN SENI PERSEMBAHAN
FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 16 Januari 2023

i. Perakuan pelajar :

Saya, **Nazleeya binti Tohiman, D20201092110, Fakulti Muzik dan Seni Persembahan** dengan ini mengaku bahawa Penulisan Kajian Ilmiah yang bertajuk **Konsep Pencahayaann Dalam A Theatrical Audiovisual Earthshine** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya. Saya dengan ini turut mengakui bahawa hasil penulisan ini terikat dengan Peraturan Akademik, Jabatan Seni Persembahan, Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Tandatangan pelajar

ii. Disemak oleh:

Tandatangan _____
Nama Penyelia _____
Tarikh _____

iii. Disahkan oleh:

Tandatangan _____
Nama Penyelaras _____
Tarikh _____



PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera. Saya bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya telah berjaya menyiapkan kajian ilmiah yang bertajuk Konsep Pencahayaan Dalam A Theatrical Audiovisual Earthshine. Alhamdulillah, sepanjang persiapan kajian ilmiah ini saya diberi kekuatan dan semangat untuk meneruskannya sehingga menjadi sebuah kajian yang lengkap.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pensyarah penyelia saya, Encik Naquiddin bin Tajul Ariffin yang banyak membantu dan bersungguh-sungguh membimbing saya sepanjang 14 minggu menjalankan kajian ilmiah. Tunjuk ajar yang diberikan sangat saya hargai kerana tanpa bimbingan, saya tidak akan dapat menyempurnakan kajian ini. Tidak lupa juga kepada pensyarah kursus, Dr. Fara Dayana binti Mohd Jufry yang memberi tunjuk ajar dan tidak pernah berputus asa untuk memberi ilmunya sepanjang semester ini berlangsung.

Terima kasih diucapkan kepada Encik Yusman Mokhtar yang sudi menjadi informan dalam kajian ini kerana memberi peluang kepada saya untuk menjalankan satu kajian berkaitan dengan penataan cahaya. Tanpa Kerjasama yang diberikan, kajian ini tidak akan dapat diselesaikan dengan sempurna. Segala maklumat yang diberikan amat membantu saya dalam persiapan kajian ini. Segala Kerjasama yang diberikan akan saya kenang.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada keluarga saya yang tidak putus-putus memberi semangat dan nasihat kepada saya untuk menyiapkan kajian ini. Saya mengambil semangat dari arwah bapa saya untuk dibawa dalam menyiapkan kajian ini sebagai pembakar semangat supaya terus berusaha bersungguh-sungguh dalam melakukan kajian. Keluarga menjadi asbab utama saya terus bersemangat untuk menghadapi segala cabaran sepanjang proses menyiapkan kajian.

Akhir sekali, di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kajian yang dijalankan oleh saya. Saya mendoakan semoga segala urusan dipermudahkan dan jasa anda amat saya hargai.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti konsep pencahayaan yang digunakan dalam persembahan A Theatrical Audiovisual Earthshine yang dipentaskan di Kuala Lumpur Performing Arts Centre (KLPA) arahan Hoo Lee Ching bersama Tess Pang. Kajian ini akan menganalisis beberapa elemen yang digunakan dalam pementasan Earthshine, melihat nilai-nilai estetika yang digunapakai dalam pementasan Earthshine sama ada memberi impak kepada penonton, dan menganalisis konsep pencahayaan dengan konsep pengarah dalam pementasan Earthshine selari. Pencahayaan dalam sesebuah persembahan amat penting dan tidak semua sedar akan perkara itu. Dalam penyelidikan ini, pengkaji membincangkan metodologi kajian yang akan menerangkan tentang kaedah kajian, reka bentuk kajian, prosedur pengumpulan data dan sebagainya. Hasil dapatan kajian yang diperolehi perlulah menjawab setiap objektif dan persoalan kajian. Objektif kajian ini adalah untuk aspek pencahayaan yang mempengaruhi persembahan Earthshine, menjustifikasikan nilai-nilai estetika yang digunapakai dalam persembahan Earthshine memberi impak kepada penonton berbanding persembahan konvensional dan menganalisis konsep pencahayaan selari dengan konsep pengarah dalam pementasan Earthshine selari hingga memberi impak kepada penonton. Dalam kajian ini, pengkaji akan menjawab persoalan kajian berkaitan sejauh manakah pencahayaan dalam persembahan Earthshine mempengaruhi persembahan, perbezaan pencahayaan dalam persembahan konvensional dengan audio visual dan impak yang dihasilkan dengan bantuan pencahayaan. Kesimpulannya, persembahan A Theatrical Audiovisual Earthshine ini menunjukkan bagaimana konsep pencahayaan itu dibina oleh penata cahaya tanpa menggunakan teks atau skrip. Segala maklumat dan data yang dikumpul adalah selari dengan setiap objektif yang dinyatakan dalam kajian.

LIGHTING CONCEPT IN A THEATRICAL AUDIOVISUAL EARTHSHINE

ABSTRACT

This study aims to identify the lighting concept used in the A Theatrical Audiovisual Earthshine performance staged at Kuala Lumpur Performing Arts Center (KLPAAC) directed by Hoo Lee Ching together with Tess Pang. This study will analyze some elements used in the staging of Earthshine, see the aesthetic values used in the staging of Earthshine whether they have an impact on the audience, and analyze the concept of lighting with the concept of directing in the staging of Earthshine in parallel. Lighting in a performance is very important and not everyone is aware of that. In this research, the researcher discusses the research methodology that will explain the research method, research design, data collection procedures and so on. The results of the study obtained must answer each objective and research question. The objective of this study is for the aspects of lighting that affect the Earthshine performance, justifying the aesthetic values used in the Earthshine performance impacting the audience compared to conventional performances and analyzing the concept of lighting in parallel with the concept of direction in the parallel Earthshine staging to impact the audience. In this study, the researcher will answer research questions related to the extent to which the lighting in the Earthshine performance affects the performance, the difference between lighting in a conventional performance with audio visual and the impact produced with the help of lighting. In conclusion, this performance of A Theatrical Audiovisual Earthshine shows how the lighting concept is built by the light designer without using text or script. All information and data collected is in line with each objective stated in the study.



KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SINGKATAN	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii
BAB 1 : PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar belakang	4
1.3 Permasalahan kajian	5
1.4 Persoalan kajian	5
1.5 Objektif kajian	6
1.6 Batasan kajian	6



1.7 Kerangka teori	7
1.8 Kepentingan kajian	8

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Analisis Konstruksi Makna Menerusi Pencahayaan	9
2.2 Developing a Stage Lighting System from Scratch	10
2.3 Designing with Lights: An Introduction to Stage Lighting	11
2.4 Lighting and The Design Idea	14
2.5 Kosa Semiotika	17
2.6 Semiotika Visual	18

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan	19
3.2 Reka bentuk kajian	19
3.2.1 Kajian perpustakaan	20
3.2.2 Kajian lapangan	20
3.3 Instrumen kajian	21
3.3.1 Temu bual	21

3.3.2 Pemerhatian	22
3.3.3 Analisis dokumen	22
3.4 Prosedur pengumpulan data	23
3.4.1 Temu bual	23
3.5 Teknik menganalisis data	24
3.5.1 Membuat transkripsi data	25
3.6 Rumusan	25

BAB 4 ANALISIS KAJIAN


05-4506832


pustaka.upsi.edu.my


Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah


PustakaTBainun


ptbupsi

4.1 Pendahuluan	27
4.2 Proses rekaan	28
4.2.1 Kajian visual	28
4.2.2 Pengalaman sendiri	29
4.2.3 Komposisi warna	30
4.3 Pengaruh Pencahayaan	35
4.3.1 Keterlihatan	36
4.3.2 Fokus	37
4.3.3 Mood	38

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan	40
5.2 Perbincangan teori semiotik visual dengan konsep pencahayaan dalam A Theatrical Audiovisual Earthshine	40
5.3 Kesimpulan	42
5.4 Cadangan	
5.4.1 Cadangan kepada penata cahaya	43

RUJUKAN

LAMPIRAN

44
46

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka surat
3.1	Proses pengumpulan data 33
4.1	Penggunaan warna merah dalam persembahan 31
4.2	Kedudukan pentas 32
4.3	Penggunaan warna biru dalam persembahan 33
4.4	Kedudukan lampu pentas dalam persembahan 35
4.5	Keterlihatan yang ditunjukkan dalam persembahan 36
4.6	Penggunaan warna biru dan hijau pada set 37
4.7	Warna merah untuk mrnyampaikan mood 39
5.1	Pendekatan semiotik Roland Barthes 41



SENARAI SINGKATAN

ETAVP

A Theatrical Audiovisual Earthshine

KLPAC

Kuala Lumpur Performing Art Centre





SENARAI LAMPIRAN

- A Transkripsi temu bual
- B Soalan temu bual
- C Gambar kajian lapangan



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pementasan yang dipersembahkan secara langsung mahupun tidak langsung sudah semestinya menginginkan hasil persembahan yang bagus. Menurut Edwin & Alvin, setiap pementasan memerlukan elemen visual untuk memastikan satu suasana tercipta dalam sesebuah pementasan itu. Elemen persembahan yang sering diperkatakan dalam pementasan adalah dari segi sinografi. Apakah yang dimaksudkan dengan sinografi? Apakah elemen sinografi yang sering diperkatakan dalam pementasan? Mengapa sinografi juga penting dalam sesebuah pementasan? Sinografi merupakan sebuah terminologi yang melibatkan semua elemen visual termasuklah dari segi rekaan set, kostum, pencahayaan dan lain-lain. Dalam kajian ini, pengkaji memilih pencahayaan untuk dianalisis bagi menyempurnakan kajian ini. Sinografi penting dalam sesebuah persembahan kerana ianya memainkan peranan yang sangat besar untuk menunjukkan atau menyampaikan mesej kepada penonton.

Sesetengah masyarakat beranggapan sesebuah persembahan seperti teater hanya menfokuskan kepada lakonan semata dan bukan dari segi sinografi. Cuba bayangkan jika sesebuah persembahan itu hanyalah pelakon sahaja dan bermain di pentas tanpa bantuan sinografi, ianya akan kelihatan sangat mendatar dan tidak memiliki estetika (Andika Aziz Hussin, 2019). Sinografi yang diperkatakan termasuklah dari aspek rekaan set, rekaan busana, tatarias dan pencahayaan.

The theatre experience does not occur in a visual vacuum. Spectators sit in the theatre watching what unfolds before them. Naturally, they focus most keenly on the performers who are speaking and moving about the stage, but always present are the visual images of scenery, costumes, and lighting – transformations of colour and shape which add a significant ingredient to the total mixture.

(Wilson, E. 2009:254)

Sesetengah orang berpendapat bahawa sinografi sebahagian daripada unsur-unsur kekaguman. Inilah yang dikatakan mengapa sinografi juga penting dalam sesebuah pementasan kerana elemen yang ada dalam sinografi ini boleh memberi impak kepada penonton yang menonton sesebuah pementasan itu sendiri.

Sesebuah persembahan yang ingin dipersembahkan boleh dilakukan dimana-mana sahaja tetapi masih memerlukan set, prop, pencahayaan dan sebagainya. Elemen yang sering kita lihat adalah tatacahaya. Pencahayaan merupakan sebuah bahagian yang amat penting dalam sesebuah persembahan yang dipersembahkan terutamanya dalam pementasan teater. Tatacahaya adalah penataan peralatan pencahayaan dan menerangi panggung. Tanpa cahaya, sesebuah persembahan itu tidak dapat dilihat dengan baik dan gelap. Tatacahaya yang berkualiti dapat

membantu penonton untuk lebih memahami dan mendalami setiap persembahan yang dilakukan tanpa kekeliruan. Tatacahaya boleh dikategorikan kepada dua iaitu sebagai penerangan dan sebagai pencahayaan. Tatacahaya sebagai penerangan bermaksud tatacahaya berfungsi untuk menerangi sesuatu kawasan atau tempat manakala tatacahaya sebagai pencahayaan pula berfungsi untuk unsur artistik. Penggunaan pencahayaan mampu menyampaikan *mood* atau perasaan dalam setiap persembahan dengan teknik pencahayaan yang berbeza dan pelbagai bersesuaian dengan suasana atau situasi ketika berlakon. Pencahayaan menjadi aspek yang terpenting dan harus dikendalikan dengan baik bagi memastikan tiada sebarang permasalahan berlaku sebelum, semasa atau selepas persembahan dijalankan. Penyusunan lampu-lampu juga perlu dilakukan dengan teliti untuk memastikan tiada sebarang kemalangan berlaku seperti kecederaan diri dan lampu tidak berfungsi. Kesan visual yang diberikan dari penggunaan lampu atau cahaya dapat menjelaskan kesan visual yang menarik dan mudah difahami oleh penonton. Bahagian terpenting dalam pencahayaan adalah memastikan pelakon tidak berada dalam bayang-bayang dan mengganggu penglihatan penonton.

1.2 Latar belakang

Pencahayaan dalam pementasan teater banyak memberi gambaran yang boleh menyampaikan suasana yang baik seperti meningkatkan *mood* dan emosi setiap penonton yang menonton persembahan yang berlangsung. Persembahan yang dikaji oleh pengkaji adalah sebuah pementasan teater audiovisual yang telah

berlangsung di Kuala Lumpur Performing Arts Centre (KLPAAC) pada 9 Jun hingga 12 Jun 2022 sebanyak lapan kali persembahan yang dipertontonkan dengan dua sesi setiap hari. Pementasan ETAVP ini memaparkan persembahan yang menarik dan membuka mata semua penonton yang melihatnya untuk bersama-sama merasakan setiap emosi yang disampaikan oleh pelakon. Pementasan ini hanya menggunakan audiovisual sahaja tanpa dialog yang disampaikan sendiri oleh pelakon. Setiap teknik pencahayaan yang digunakan dalam pementasan ETAVP mempunyai fungsi yang berlainan dan merangkumi semua aspek estetika dalam persembahan. Persembahan yang telah dipersembahkan banyak menggunakan jenis lampu *profile* dan *led wash*. Pengkaji mendapati bahawa setiap lampu yang digunakan dalam persembahan teater audiovisual ETAVP ini diletakkan dengan cara yang berbeza di setiap sudut. Seperti yang diketahui, pencahayaan mempunyai lima kualiti yang dinilai setiap kali diaplikasikan dalam sesebuah pementasan. Antara lima kualiti itu adalah intensiti, warna, pergerakan, kedudukan sudut dan juga tekstur. Kelima-lima ini perlu ada dalam setiap rekaan pencahayaan yang dilakukan sebelum memulakan rekaan. Sebelum merangka rekaan pencahayaan, pereka cahaya perlu memberi penekanan elemen-elemen ini supaya pencahayaan yang digunakan dalam pementasan tidak melanggar apa-apa perkara yang boleh menjejaskan sesebuah persembahan. Sekiranya elemen-elemen ini tidak digunapakai dalam mereka sesebuah pencahayaan, ianya tidak mencapai kualiti yang baik dalam rekaan cahaya.

Dalam pementasan ETAVP ini, sudut yang diletakkan untuk menggantung lampu sangatlah banyak, lampu yang diletakkan berada pada sudut kiri dan kanan dan di bawah juga dengan menggunakan *float light*. Mengapa lampu-lampu itu diletakkan di sudut yang sebegitu? Kedudukan sudut lampu juga memainkan

peranan yang penting untuk memastikan ianya selari dengan konsep yang diinginkan oleh pengarah pementasan itu sendiri kerana ini adalah pementasan teater audiovisual dimana semua persembahan hanyalah terletak pada pelakon dan pelakon perlu bergerak seiring dengan audio yang dipersembahkan. Dalam mendapatkan keserasian dan selari dengan konsep pengarah amatlah sukar dan tidak mudah untuk seseorang pereka cahaya mencapai keharmonian dalam pencahayaannya agar seiring dengan rekaan set, kostum dan tatarias.

“The basic concern in theatre lighting is with the dramatic intention of a particular moment. The visibility, or the kind of light, in which you see the actors and the scenery, the place, must have a logic. The logic is based on tying all of these in with the idea of being there, in the scene, in the first place.”

(Jean Rosenthal, The Magic Of Light)

1.3 Permasalahan kajian

Setiap persembahan yang ingin dipentaskan memerlukan persiapan yang sangat teliti dan mengambil masa yang lama sama ada dari segi pengurusan mahupun persembahan. Pementasan ETAVP ini hanya menggunakan audiovisual tanpa dialog dan ianya memberi banyak persoalan bagaimana keberkesanan pementasan ini kepada penonton.

1.4 Persoalan kajian

Pengkaji telah merumuskan beberapa persoalan kajian yang akan dikupas dalam cadangan penyelidikan ini. Antaranya ialah:

- i. Sejauh manakah pencahayaan dalam pementasan audiovisual Earthshine ini mempengaruhi persembahan?
- ii. Apakah perbezaan yang dapat dilihat dari segi pencahayaan dalam pementasan biasa dan pementasan audiovisual Earthshine ini?
- iii. Bagaimana pencahayaan dalam pementasan ini mampu memberi impak kepada penonton yang menonton persembahan ini?

1.5 Objektif

Pengkaji telah memfokuskan kepada tiga objektif penyelidikan ini, iaitu:

- i. Mengenalpasti aspek pencahayaan yang mempengaruhi persembahan Earthshine.
- ii. Menjustifikasikan nilai-nilai estetika yang digunakan dalam pementasan Earthshine memberi impak kepada penonton berbanding persembahan konvensional.
- iii. Menganalisis konsep pencahayaan dengan konsep pengarah dalam pementasan Earthshine selari hingga memberi impak kepada penonton.

1.6 Batasan kajian

Pengkaji telah membataskan kajian penyelidikan ini kepada :-

- i. Tinjauan kepada informen dalam pementasan teater audiovisual Earthshine di KLPAC.

Tujuan tinjauan ini dilakukan untuk memastikan konsep pencahayaan dalam pementasan Teater Audiovisual Earthshine ini selari dengan persembahan yang ditunjukkan. Informen yang ditemubual boleh memberikan banyak maklumat tentang konsep pencahayaan yang digunakan dalam pementasan ini dan menjawab setiap persoalan dalam kajian ini.

- ii. Penelitian terhadap konsep pencahayaan dalam pementasan yang dipersembahkan berkait dengan konsep pengarah.

Penelitian yang dijalankan pada pementasan ini mampu membantu pengkaji untuk melihat sekiranya pencahayaan dalam pementasan ini sememangnya memainkan peranan yang sangat penting dan mampu memberi impak kepada penonton.

1.7 Kerangka teori

Dalam bahagian kerangka teori ini, pengkaji menggunakan teori semiotik dan dalam memahami rekaan pencahayaan pentas untuk persembahan yang telah dipentaskan iaitu sebuah teater audiovisual Earthshine yang berlangsung di KLPAC. Semiotik bermaksud tanda dan istilah semiotik ini didapati daripada Yunani sendiri iaitu “Semeion”. Semiotik merupakan sebuah teori yang mengkaji beberapa bahagian menjadi tanda dalam sesebuah kehidupan, kebudayaan dan komunikasi. Pada zaman Plato dan Aristotle, istilah tanda-tanda Sñana (2001) digunakan pada zaman kegemilangan keduanya. Semenjak penolakan teori

epistemologi Yunani, semiotik kemudiannya menjadi tidak popular sehinggalah abad ke-17 apabila ada ahli falsafah Inggeris iaitu John Locke (1632-1704) menggunakannya kembali untuk menunjukkan dengan jelas doktrin perlambangan teori semiotik ini. Pada abad ke-19, teori semiotik diberi nafas baharu apabila munculnya dua orang ahli falsafah yang ingin mengangkat semula teori semiotik dan perkembangan semiotik. Dua orang tokoh yang disebut adalah tokoh penting iaitu Ferdinand de Saussure (1857- 1913). Beliau merupakan seorang tokoh yang berasal dari Swiss manakala Charles Sanders Peirce (1839-1914) pula merupakan seorang ahli falsafah dan peneroka bagi tradisi semiotik di Amerika Syarikat yang memainkan peranannya dengan sangat baik. Kehadiran teori semiotik ini telah menjadi lambang sesebuah ketamadunan pada zaman tersebut.

1.8 Kepentingan kajian

Kajian ini dilakukan kerana pengkaji ingin melihat sejauh mana pencahayaan ini mempengaruhi sesebuah pementasan tersebut. Selain daripada memberi penglihatan yang bagus kepada penonton, pengkaji juga mengkaji pencahayaan untuk melihat bagaimana pencahayaan boleh memberi dan memaparkan elemen yang berbeza dalam setiap pementasan terutamanya dalam ETAVP, sebuah pementasan teater yang dikaji oleh pengkaji. Setiap pereka cahaya perlu menggunakan semua ciri-ciri pencahayaan untuk memastikan kualiti yang baik ditunjukkan dalam setiap persembahan.